

12 MAY 2004

Mahathir-Latih

LATIH AHLI SUKAN SEJAK KECIL UNTUK JADI JAGUH - DR MAHATHIR

LANGKAWI, 12 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata usaha melatih ahli sukan di negara ini perlu dibuat sejak kecil bagi melahirkan jaguh sukan berkaliber di masa depan.

Beliau berkata di negara lain amalan seumpama itu telah dilaksanakan, sebab itu mereka dapat mengadakan jaguh sukan yang mampu memberi saingan sengit.

"Bagi kita dah tua, keras otot baru nak belajar, dengan itu kita sukar nak menang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil tamat latihan kepada 28 peserta Program Kecemerlangan Sukan Golf Remaja Emkay di sini hari ini.

Beliau berkata program yang dilaksanakan oleh Emkay adalah baik, untuk melatih pemain dari awal lagi, dan beliau yakin satu masa nanti ia dapat melahirkan jaguh golf berkaliber.

Program itu dilancarkan tiga bulan lepas, lapan dari 28 peserta layak menyertai latihan fasa kedua, bagi membolehkan mereka bermain dengan pemain golf lain setelah mendapat latihan asas dalam tempoh itu.

Walaupun mereka masih budak-budak tapi mereka boleh bermain setelah memahami peraturan handicap dan asas lain permainan golf, katanya.

Tun Dr Mahathir berharap para pemain itu menjalani lebih banyak latihan untuk memantapkan permainan mereka.

Beliau turut berharap syarikat lain mencontohi Emkay mengadakan program seumpama itu untuk melahirkan lebih ramai ahli sukan.

"Kita tidak boleh mengharap kerajaan mengadakan program itu, sebaliknya swasta perlu memainkan peranan penting memajukan sukan," katanya.

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat Emkay, Shamsul Kamar Omar berkata program itu dianjurkan secara percuma yang lebih menekankan penglibatan golongan luar bandar dan kurang berkemampuan.

"Kita mahu peserta itu bukan sahaja cemerlang dalam sukan golf malah memberi perhatian kepada akademik," katanya.

Program yang dijalankan itu membelanjakan kira-kira RM100,000 setahun, menawarkan program latihan seperti undang-undang bermain golf, pukulan dan membiayai mereka yang boleh bertanding di peringkat tertutup.

-- BERNAMA

ZI RON